

Ibu Bapa Kelelahan Semasa Musim Pandemik



Oleh: Nor Khairunnisa binti Mohamad Sahiful Nahar

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 10 Ogos 2021

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi tekanan hebat terhadap ibu bapa. Mereka memegang peranan yang penting sebagai pendidik, kaunselor, tukang masak atau suri rumah.

Semua tugas itu sangat memenatkan mereka dan disedari, ramai ibu bapa mengalami masalah kesihatan mental dan fizikal yang teruk.



Gambar hiasan

Kementerian Pendidikan mengambil langkah proaktif menutup sekolah bagi mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan murid.

Arahan itu menyebabkan guru melaksanakan pengajaran secara dalam talian kerana sesi pembelajaran mesti berjalan seperti dirancang. Secara tidak langsung, ibu bapa pula menjadi guru kedua di rumah.

Antara peranan besar ibu bapa adalah memastikan anak-anak mereka tidak tercicir daripada mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Namun itu bukan perkara yang mudah khususnya bagi mereka yang bekerja. Mereka tiada masa untuk memantau pergerakan anak sepenuhnya.

Memetik laporan Sinar Harian pada 13 Julai 2021, ramai ibu bapa yang mengakui pernah berputus asa akibat terlalu penat memantau anak-anak belajar dalam talian. Ini adalah kerana mereka juga perlu menguruskan urusan kerja sendiri.

Selain itu, sesetengah murid tercicir daripada sesi pembelajaran kerana ada dalam kalangan ibu bapa yang perlu bekerja di pejabat dan mereka tidak dapat memantau sesi pembelajaran anak-anak.

Selain itu, ada ibu bapa yang kurang berkemampuan untuk membeli gajet bagi memudahkan anak mereka belajar. Mereka perlu mencari duit lebih dengan bekerja lebih masa atau melakukan dua atau tiga kerja dalam satu-satu masa.

Lebih memburukkan keadaan, ada juga ibu bapa yang terpaksa meminjam daripada 'ah long' atau pemberi pinjaman wang haram untuk membolehkan anak mereka menjalani sesi PdPR.

Sinar Harian pada 16 Februari 2021 melaporkan, Persatuan Pengguna Kedah (Capek) telah menerima sembilan aduan daripada ibu bapa yang terpaksa mengambil risiko meminjam daripada ah long dengan tujuan membeli gajet untuk anak-anak.

Mereka ini terdiri daripada peniaga kecil-kecilan dan bekerja sendiri serta tidak mampu membeli gajet.

Kita juga selalu mendengar bahawa kanak-kanak tertekan ketika belajar di rumah disebabkan persekitaran yang tidak kondusif, rumah yang sempit dan tiada ruang khas untuk belajar.



Gambar hiasan

Sebenarnya, faktor-faktor ini jugalah yang menyebabkan ibu bapa letih dan penat dalam menguruskan rumah dan anak-anak.

Mereka perlu mencari jalan penyelesaian agar anak-anak dapat belajar dalam keadaan baik serta memastikan keadaan rumah sentiasa bersih dan tenang.

Tekanan kerja di rumah dan di tempat kerja menjadi punca sesetengah ibu bapa kepenatan. Beban kerja ibu di rumah semakin banyak.

Timbunan kain yang dahulunya rendah menjadi semakin tinggi setelah anak pulang dari asrama atau kolej. Ibu bapa pula keberatan untuk meminta pertolongan daripada anak dengan alasan perlu menjaga kesihatan mental mereka.

Akibatnya, ibu bapa mengabaikan kesihatan mental dan fizikal sendiri. Itulah kenyataan yang dirasai dan dilalui oleh sesetengah ibu bapa sekarang. Mereka lupa untuk menguruskan emosi mereka dengan baik dan keadaan ini menyebabkan stres berlaku.

Sebagai ibu bapa, kesihatan fizikal dan mental perlu dijaga dan dititikberatkan kerana mereka adalah tunjang utama dalam sesebuah keluarga.

Sekiranya penat, berehatlah sebentar supaya mereka dapat berehat dan mencari kekuatan demi kebaikan diri dan keluarga.

Anak-anak pula perlu memahami dan membantu ibu bapa mewujudkan suasana yang tenang dan harmoni di rumah ketika negara masih belum bebas daripada ancaman COVID-19.